

---

Title	Tentang: K melambangkan 4 fonem
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

---

Copyright © 1992 Muhammad Ariff bin Ahmad

**Haji Muhammad Ariff Ahmad**  
**Sari Bahasa**  
SBC Warna 94.2 92031  
Mei 31 1922  
tentang: k melambangkan 4 fonem

Menurut kaedah ejaan sekarang, k digunakan sebagai lambang bagi empat fonem iaitu *kaf*, *qof*, *ain* dan *hamzah*. Melambangkan fonem *kaf*, k itu digunakan sebagai permula morfem, sama ada morfem atau morfem akhir sesuatu ke kata ataupun sebagai permula morfem imbuhan.

Sebagai permula morfem awal ke kata, k itu dipakai bagi ke kata seperti: kawan, kita, kaya, kurang dan lain-lain yang seumpamanya. Sebagai permula morfem akhir ke kata, k itu dipakai bagi ke kata seperti: rakan, sukar, tikam, fikir, telekung dan lain-lain yang sebagainya.

Sebagai permula morfem imbuhan pula, k itu dipakaikan bagi ke kata seperti: ketahuan, kekasih, ketagih, utamakan, dimuliakan dan lain-lain yang seumpamanya.

Sebagai fonem *ain* dan *hamzah*, k tidak digunakan sebagai fonem permula, sama ada permula morfem awal atau morfem akhir, tetapi k itu dipakai sebagai fonem sekat atau fonem penutup sesuatu morfem, misalnya seperti yang terpakai pada ke kata: iklan, rakyat, tepuk, tolok, songkok dan lain-lain yang sebagainya. Ke kata *iklan* harus disebut i'lan bukan iKlan dan ke kata *rakyat* harus dibaca ra'yat bukan raKyat.

Selain daripada *qof* yang digunakan dalam pengejaan ke kata-ke kata *qada*, *qadak*, *qadar*, *qadim*, *qalqalah*, *qari*, *qariah*, *qasidah*, *qidam*, *qiran*, *qiamullail*, *qudsi*, *qunut* dan *Quran*, semua *qof* dilambangkan dengan k.

Jelas kelihatan perbezaan antara *qari* dengan *kari*. *Qari* ialah pembaca al-Quran, manakala *kari* ialah semacam gulai. Ada juga orang yang membezakan antara *qurban* dengan *korban*, dengan makna bahawa *qurban* ialah ibadah menyembelih binatang pada hari raya aidiladha, manakala *korban* ialah 'pemberian' atau khidmat seseorang kepada yang dicintai sebagai tanda setianya kepada yang dicintainya, misalnya yang terpakai dalam wacana seperti:

- Jangankan harta benda, jika diperlukan, dia sanggup berkorban apa sahaja demi mempertahankan tanahairnya.

s e k i a n .